

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASSAN MOHD RAMLI  
(DUNGUN)**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kementerian untuk meningkatkan kawalan keselamatan terutamanya di sempadan antara negara Malaysia dan Thailand bagi menyekat penyeludupan dadah ke negara kita yang masih berleluasa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

KDN merancang untuk menggunakan teknologi terkini bagi melaksanakan pengawasan dan penguatkuasaan sempadan. PDRM melalui KDN telah mengemukakan permohonan perolehan aset melalui RMKe-12 iaitu aset berteknologi terkini *Artificial Intelligence* seperti *drone*, dan radar berkeupayaan tinggi.

Selain itu, KDN juga telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 12 Mac 2021 untuk melaksanakan Rasionalisasi Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang mana fungsi dan peranan AKSEM diserapkan di bawah pentadbiran PDRM. Melalui kaedah ini, penguatkuasaan di sempadan negara akan lebih berfokus dan dipertingkatkan dengan penggabungan kekuatan sedia ada PDRM dan AKSEM di seluruh sempadan negara.